

13/02/2003

Khairul ketua cabaran Kedah

JAGUH perahu layar optimis negara, Khairulnizam Mohd Afendy, 10, dipilih mengetuai 30 pelayar Kedah pada Kejohanan Perahu Layar Regatta Perdana Terbuka Kedah Langkawi 2003 selama tiga hari mulai esok.

Khairulnizam yang membantu Malaysia meraih pingat emas acara berpasukan

kejohanan perahu layar optimis Asean di Singapura, Disember lalu, kini giat berlatih bersama rakan di perairan berhadapan Hotel Tiara, Langkawi.

Latihan sejak 8 Januari lalu itu adalah sebahagian daripada persiapan pasukan itu untuk menyaingi lebih 200 pelayar tempatan dan luar negara yang dijangka menyertai kejohanan berkenaan.

Selain mempertandingkan kategori optimist dan laser, kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM50,000 itu turut mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan presiden Persatuan Perahu Layar Kedah, Mohamad Afendy Abdullah,

berkata seramai 30 pelayar berbakat dipilih menjalani latihan sebagai persiapan ke kejohanan itu.

"Setakat ini prestasi Khairulnizam dan rakan-rakan sangat memberangsangkan. Selain latihan fizikal, mereka juga dipupuk semangat juang tinggi untuk mengharungi kejohanan.

"Latihan intensif dan berterusan perlu kerana cabaran yang bakal ditempuh adalah sengit dan jika tidak berada pada tahap terbaik, tentu sukar untuk mereka mencapai kejayaan," kata Afendy.

Setakat ini, kontinjen Tentera Laut Diraja Malaysia dan tuan rumah Kedah

mengesahkan akan menghantar 30 peserta berkaliber untuk kejohanan pembuka tirai 2003 itu.

"Bagaimanapun, saya yakin kewibawaan Khairulnizam, kerana dia adalah pelayar muda berbakat besar dan mampu memberi saingan kepada pelayar terutama dari pasukan negara Asean," katanya.

Sementara itu, penyelar latihan, Ramlah Buang turut yakin kontinjen Kedah mampu mencatat kedudukan terbaik melalui pelayar berpengalaman seperti Nurbaidurah Afendy dan Azfar Jaafar.

"Berdasarkan latihan intensif di bawah jurulatih kebangsaan Abd Rani Idris dan sokongan ibu bapa, pelayar kami kini berada pada tahap motivasi

tertinggi untuk mengharungi cabaran," katanya.

Sementara itu, Khairulnizam ketika ditemui berkata, dia dan rakan-rakan sudah bersedia untuk memikul cabaran Kedah.